

**KAJIAN TERHADAP PERSEPSI DERIA DI DALAM MEMPENGARUHI
SENIBINA DAN ALAM PERSEKITARAN PEMBELAJARAN KANAK-
KANAK CACAT PENGLIHATAN YANG MASIH MEMPUNYAI DAYA
PENGLIHATAN.
(VISUAL IMPAIRMENT)**

OOI CHUN HAU

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda SENIBINA

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

SEPTEMBER, 2002

ABSTRAK

Isu-isu seperti ‘masyarakat penyayang’ sering diperkatakan baru-baru ini di dalam media-media tempatan. Satu daripada aspek ini adalah cara pembelajaran golongan masyarakat cacat. Seperti mana yang dimaklumkan, pendidikan adalah penting dalam pembangunan negara dan semua orang adalah berhak untuk mendapat pendidikan yang sewajar. Di sini termasuklah golongan istimewa. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui bagaimana kanak-kanak cacat penglihatan menggunakan deria-deria yang tertinggal selain daripada deria penglihatan untuk menerima maklumat daripada alam pembelajaran dan mengenalpasti sama ada rekabentuk bangunan sekolah memenuhi kehendak asas mereka. Sebagai seorang arkitek, beliau perlu perhatian kepada apa yang direka dalam alam pembinaan, mahupun untuk golongan biasa tetapi juga golongan kurang upaya. Kajian ilmiah dan kajian kes telah dijalankan sebagai metodologi untuk projek ini. Dua jenis persepsi akan diberi perhatian dengan lebih mendalam dalam kajian ini, iaitu persepsi taktual dan persepsi pendengaran. Daripada kajian ini, kita akan melihat bagaimana mereka berfungsi, ciri-ciri dan cara-cara memperkembangkan setiap satunya umpamanya dalam pembelajaran komunikasi, kognitif, interaksi sosial serta orientasi dan mobiliti. Kesemua perkembangan ini amat penting dalam perkembangan mental dan fizikal seseorang kanak-kanak yang cacat penglihatan supaya mereka dapat mempelajari hampir sama seperti apa yang diperolehi oleh kanak-kanak biasa. Seterusnya, kajian ciri-ciri rekabentuk persekitaran mereka yang sesuai juga akan dikenalpasti. Pengaruh faktor persepsi taktual, persepsi pendengaran serta persepsi bau dan rasa memainkan peranan yang penting dalam rekabentuk persekitaran mereka dalam mewujudkan alam pembelajaran yang lebih berkesan.

ABSTRACT

The issue of a caring society is often mentioned in the local media lately. One of the aspects mentioned is the method of learning among the disabled. As we know, learning methods are important for the development of a nation and everyone is entitled to proper education, including the disabled. The objective of this research is to gain insight to how the visually disabled children use their other senses, apart from sight, to receive information from their surroundings. It also identifies whether the design of school buildings for the visually disabled meet their basic needs. As an architect, one needs to pay attention to the design of the construction environment, be it for the fit or for the disabled. Both literature review and case studies have been used as research methods for this project. Attention is given to two types of perceptions that are the tactual and hearing perceptions. From this research, we will see how the perceptions function, their characteristics and the methods to develop these perceptions in communication, cognitive, social interaction, orientation and mobility education. These developments are important in the mental and physical developments of children with visual disability so that they can learn with the same capability as what is achieved by normal children. The suitable environment design characters for the visually disabled will be researched on. The influence of tactual, hearing and smell perceptions play an important role in the design of their surroundings to provide an effective learning space.